PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 30 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 14

TUAN ANYI NGAU [BARAM] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan status permohonan pembinaan klinik desa yang baru menggantikan klinik desa lama di Long San Baram serta status permohonan klinik desa yang baru di Long Aton Tinjar Baram.

NO SOALAN : 14

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Klinik Kesihatan (KK) Long San Gantian telah diluluskan dalam Belanjawan 2020 yang telah diumumkan baru-baru ini dan proses pembinaan KK Long San baharu akan bermula serentak dengan kelulusan peruntukan tersebut.

Long Aton Tinjar terletak 2 jam daripada Klinik Kesihatan Long San melalui jalan balak atau pun 3 jam ke Klinik Kesihatan Long Loyang melalui jalan air. Buat masa ini, penyampaian perkhidmatan di kawasan tersebut adalah melalui Pasukan Kesihatan Bergerak daripada Klinik Kesihatan Long Loyang Miri yang membuat lawatan berkala ke kawasan Long Aton.

Perkhidmatan yang disediakan termasuk perkhidmatan Jabatan Pesakit Luar, Perkhidmatan Kecemasan dan Kesihatan Ibu dan Anak. Sekiranya diperlukan, pesakit dari kawasan Long Aton akan dirujuk ke Klinik Kesihatan Long Loyang atau Klinik Kesihatan Long San untuk rawatan lanjut. Perkhidmatan kesihatan bergerak ini masih mampu menampung keperluan perkhidmatan kesihatan semasa di Long Aton Tinjar. Pihak Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Sarawak tidak mempunyai perancangan dalam masa terdekat untuk membina sebuah klinik yang baharu di kawasan Long Aton Tinjar. Namun, pihak JKN Sarawak akan sentiasa memantau keperluan dari semasa ke semasa sekiranya timbul keperluan untuk sebuah klinik kesihatan di kawasan tersebut kelak.

Sekian, terima kasih.